

SOALAN NO: 134

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B.DATUK SERI DR.S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

TARIKH : 12 JUN 2014

SOALAN :

YB Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar kebiasaannya di Langkawi, sekiranya pesakit perlu dihantar ke hospital luar dari Langkawi, ahli keluarga mereka akan turut serta untuk menghantar pesakit tersebut. Buat masa ini, waran Kerajaan hanya diberikan kepada pesakit sahaja. Apakah boleh waran tersebut turut diberikan kepada pengiring pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua keadaan bantuan bayaran untuk pengiring pesakit iaitu:

RUJUKAN KECEMASAN

Pesakit akan dihantar dari Hospital Langkawi ke Hospital Sultanah Bahiyah Alor Star (Hospital PakarPenuh) dengan menggunakan ambulan atau Ambulan Laut dengan seorang pengiring atau waris sahaja dibenar menaiki ambulan secara percuma. Hospital Langkawi hanya mempunyai sebuah Ambulan Laut. Kos perjalanan menggunakan Ambulan Laut melebihi RM3500.00 ditanggung oleh pihak Hospital Langkawi.

RUJUKAN BUKAN KECEMASAN

Pesakit atau/waris/pengiring yang dirujuk ke hospital tanah besar (*mainland*) akan pergi dengan kos pengangkutan yang ditanggung sendiri oleh pesakit. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian di mana jika pesakit yang dirujuk itu dari golongan berpendapatan rendah maka pihak Pengarah Hospital Langkawi akan mengeluarkan waran perjalanan dua hala pergi dan balik dari Langkawi ke Kuala Perlis (RM18.00/RM18.00), Langkawi ke Kuala Kedah (RM23.00/RM23.00), Langkawi ke Penang (RM66.50/RM66.50) secara percuma.

NO. SOALAN: 135

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 12 JUN 2014

RUJUKAN : 6866

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) Berapakah bilangan kes keganasan terhadap kanak-kanak, termasuk jenayah seksual yang dilaporkan kepada polis; dan
- (b) Berapakah yang disabitkan kesalahan di mahkamah dalam tempoh dua tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), jenayah seksual merangkumi kesalahan kerana merogol, mencabul kehormatan dan perhubungan yang bertentang dengan aturan tabii (luar tabii). Jenayah ini boleh berlaku meliputi semua lapisan masyarakat di Malaysia tidak kira bandar atau luar bandar, bangsa, agama, tahap pendidikan dan umur seseorang itu. Pihak PDRM memandang serius terhadap jenayah seksual ini bukan sekadar menyebabkan kecederaan fizikal tetapi turut mencalarkan maruah (*dignity*) dan menyebabkan trauma yang berpanjang kepada mangsa terutama kepada kanak-kanak yang terlalu muda dan mentah.

Statistik jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak yang berumur 18 tahun kebawah bagi tahun 2012 dan 2013 seperti berikut:-

KESALAHAN	2012	2013
ROGOL	2,299	2,111
MENCABUL KEHORMATAN	820	821
LUAR TABII	111	129

Bagi menjawab soalan (b), PDRM sentiasa berusaha meningkatkan kualiti penyiasatan agar lebih banyak kes yang berjaya dibawa ke muka pengadilan dan seterusnya mendapat sabitan dengan hukuman yang setimpal terhadap tertuduh.

Statistik penjenayah yang dituduh dan dijatuhi hukuman atas kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang berumur 18 tahun kebawah bagi tahun 2012 dan 2013 seperti berikut:-

KESALAHAN	2012		2013	
	TUDUH	JATUH HUKUM	TUDUH	JATUH HUKUM
ROGOL	325	18	461	14
MENCABUL KEHORMATAN	125	12	214	9
LUAR TABII	17	5	21	1